



GARIS PANDUAN
MAJLIS KONVOKESYEN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI (POLYCC)
ZON SARAWAK TAHUN 2025
BAGI POLITEKNIK KUCHING SARAWAK



Politeknik Kuching Sarawak
KM22, Jalan Matang
93050, Kuching
Sarawak

 **082-845596**



<http://www.poliku.edu.my/e-konvokesyen/>

SENARAI KANDUNGAN

Perkara	Isi Kandungan	Muka Surat
1.0	Tarikh Majlis Konvokesyen	1
2.0	Penyertaan Hadir / Tidak Hadir Majlis Konvokesyen	3
3.0	Bayaran Konvokesyen	5
4.0	Lapor Diri Majlis Konvokesyen	5
5.0	Pas Masuk Ibubapa / Tetamu	6
6.0	Pas Masuk Kenderaan Dan Tempat Letak Kenderaan	7
7.0	Etika Pakaian Dan Rupa Diri Graduan	7
8.0	Etika Pakaian Tetamu	8
9.0	Kajian Pengesanan Graduan	12
10.0	Jubah Konvokesyen	13
11.0	Tuntutan Sijil Diploma Graduan	16
12.0	Tuntutan Wang Tunai/Cek Bagi Pemenang Anugerah Kecemerlangan	17
13.0	Gambar Konvokesyen	17
Lampiran A	Atur Cara Majlis Konvokesyen	18
Lampiran B	Tatacara Pendaftaran Penyertaan Hadir/Tidak Hadir Majlis Konvokesyen	24
Lampiran C	Proses Kerja Pengisian Kajian Untuk Graduan Yang Hadir Konvokesyen	30
Lampiran D	Tatacara Jubah Konvokesyen	31
	Jadual 1 : Pengambilan dan Pemulangan Jubah	
	Jadual 2 : Kadar Denda Kehilangan atau Kerosakan Jubah	

**GARIS PANDUAN
MAJLIS KONVOKESYEN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI (POLYCC)
ZON SARAWAK TAHUN 2025 BAGI POLITEKNIK KUCHING SARAWAK**

Assalamualaikum w.b.t dan Selamat Sejahtera.

Graduan yang dihormati,

MAJLIS KONVOKESYEN POLYCC ZON SARAWAK

PolyCC Zon Sarawak mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua graduan di atas kejayaan anda.

1.0 TARIKH MAJLIS KONVOKESYEN

- 1.1 Majlis Konvokesyen Politeknik Kuching Sarawak (PKS) Kali Ke-33 akan diadakan pada **9 hingga 12 Ogos 2025** di **Dewan Jubli Perak, Politeknik Kuching Sarawak**.
- 1.2 Majlis Konvokesyen PolyCC Zon Sarawak Tahun 2025 ini akan melibatkan:
- ❖ **Majlis Konvokesyen Politeknik Kuching Sarawak Ke-33**
 - ❖ **Majlis Konvokesyen Politeknik METrO Betong Sarawak Ke-9**
 - ❖ **Majlis Konvokesyen Kolej Komuniti Zon Sarawak Tahun 2025**
- 1.3 Berikut adalah jadual **Majlis Konvokesyen Politeknik Kuching Sarawak** Kali Ke-33 Tahun 2025.

TARIKH / HARI	MASA	SESI TAMAT PENGAJIAN / PROGRAM / SIDANG
09 Ogos 2025 (Sabtu)	7.00 pagi – 1.00 tengah hari	Graduan Tamat Pengajian Sesi II: 2023/2024 DDT, DPE, DPB, DTP Sidang 1
10 Ogos 2025 (Ahad)	7.00 pagi – 1.00 tengah hari	Graduan Tamat Pengajian Sesi II: 2023/2024 DGU, DAT, DPM Graduan Tamat Pengajian Sesi I: 2024/2025 DPE Sidang 2
11 Ogos 2025 (Isnin)	7.00 pagi – 1.00 tengah hari	Graduan Tamat Pengajian Sesi II: 2023/2024 DKA, DEE, DEP, DAD, DKM, DPU Sidang 3
12 Ogos 2025 (Selasa)	7.00 pagi – 1.00 tengah hari	Graduan Tamat Pengajian Sesi I: 2024/2025 DAT, DPM, DEE, DEP, DAD, DKM, DPU, DTP, DGU, DKA, DPB, DDT Sidang 4

1.4 Berikut adalah Jadual Majlis Konvokesyen PKS Kali Ke-33 Tahun 2025 (Sila rujuk Lampiran A untuk Atur Cara Majlis)


SIDANG	TARIKH (HARI)	JABATAN/ PROGRAM	SESI TAMAT PENGAJIAN
1	09 Ogos 2025 (Sabtu)	JABATAN TEKNOLOGI MAKLUMAT & KOMUNIKASI Diploma Teknologi Maklumat (Teknologi Digital) JABATAN KEJURUTERAAN PETROKIMIA Diploma Kejuruteraan Petrokimia JABATAN KEJURUTERAAN AWAM Diploma Kejuruteraan Perkhidmatan Bangunan JABATAN KEJURUTERAAN MEKANIKAL Diploma Kejuruteraan Mekanikal (Pembuatan)	Sesi II: 2023/2024
2	10 Ogos 2025 (Ahad)	JABATAN KEJURUTERAAN AWAM Diploma Geomatik JABATAN PERDAGANGAN Diploma Akauntansi Diploma Pengajian Perniagaan	Sesi II: 2023/2024
		JABATAN KEJURUTERAAN PETROKIMIA Diploma Kejuruteraan Petrokimia	Sesi I: 2024/ 2025
3	11 Ogos 2025 (Isnin)	JABATAN KEJURUTERAAN AWAM Diploma Kejuruteraan Awam JABATAN KEJURUTERAAN MEKANIKAL Diploma Kejuruteraan Mekanikal Diploma Kejuruteraan Mekanikal (Automotif) Diploma Kejuruteraan Mekanikal (Penyamanan Udara dan Penyejukbekuan) JABATAN KEJURUTERAAN ELEKTRIK Diploma Kejuruteraan Elektrik & Elektronik Diploma Kejuruteraan Elektrik (Komunikasi)	Sesi II: 2023/2024

SIDANG	TARIKH (HARI)	JABATAN/ PROGRAM	SESI TAMAT PENGAJIAN
4	12 Ogos 2025 (Selasa)	JABATAN KEJURUTERAAN AWAM Diploma Geomatik Diploma Kejuruteraan Awam Diploma Kejuruteraan Perkhidmatan Bangunan JABATAN KEJURUTERAAN ELEKTRIK Diploma Kejuruteraan Elektrik & Elektronik Diploma Kejuruteraan Elektrik (Komunikasi) JABATAN KEJURUTERAAN MEKANIKAL Diploma Kejuruteraan Mekanikal Diploma Kejuruteraan Mekanikal (Pembuatan) Diploma Kejuruteraan Mekanikal (Automotif) Diploma Kejuruteraan Mekanikal (Penyamanan Udara dan Penyejukbekuan) JABATAN PERDAGANGAN Diploma Akauntansi Diploma Pengajian Perniagaan JABATAN TEKNOLOGI MAKLUMAT & KOMUNIKASI Diploma Teknologi Maklumat (Teknologi Digital)	Sesi I: 2024/2025

2.0 PENYERTAAN HADIR / TIDAK HADIR MAJLIS KONVOKESYEN

- 2.1 Sila rujuk **Carta Alir Pendaftaran Penyertaan Hadir / Tidak Hadir Majlis Konvokesyen Politeknik Kuching Sarawak Ke- 33 Tahun 2025**.
- 2.2 Panduan **Tatacara Pendaftaran Penyertaan Hadir / Tidak Hadir Majlis Konvokesyen Politeknik Kuching Sarawak Ke- 33 Tahun 2025** disertakan di **Lampiran B**.
- 2.3 Graduan adalah diingatkan agar **MEMBUAT PEMBAYARAN** Konvokesyen (sama ada Hadir / Tidak Hadir)

CARTA ALIR PENDAFTARAN PENYERTAAN HADIR / TIDAK HADIR
MAJLIS KONVOKESYEN POLITEKNIK KUCHING SARAWAK KE-33 TAHUN 2025



3.0 BAYARAN KONVOKESYEN


3.1 Bayaran Konvokesyen:

3.1.1 Hadir Majlis: **RM 280.00**

3.1.2 Tidak Hadir Majlis: **RM 170.00**

3.2 Tarikh pembayaran Konvokesyen adalah mulai **23 Jun 2025 - 28 Julai 2025**.

3.3 Pembayaran hanya boleh dibuat melalui JOMPAY.



JomPAY online di Perbankan Internet dan Telefon Mudah Alih dengan akaun semasa atau simpanan

3.4 Slip bayaran atau resit **ASAL** perlu disimpan oleh graduan dan dikehendaki menunjukkan slip bayaran semasa hari pendaftaran konvokesyen, pengambilan jubah dan pengambilan diploma nanti.

3.5 Graduan dikehendaki membuat **Salinan Slip Bayaran** untuk simpanan sendiri atau bagi tujuan lain-lain kerana dikhuatiri resit asal hilang.

4.0 LAPOR DIRI MAJLIS KONVOKESYEN

4.1 Semua graduan hendaklah mendaftarkan diri di **Bilik Kuliah, Blok B Politeknik Kuching Sarawak** mengikut sidang konvokesyen masing-masing.

4.2 Jadual Kaunter Pendaftaran dibuka adalah seperti berikut:

SIDANG	TARIKH (HARI)	SESI	JABATAN AKADEMIK		SESI TAMAT PENGAJIAN	MASA
1	09 Ogos 2025 (Sabtu)	Pagi	JKA JKM	JKPK JTMK	Sesi II: 2023/2024	7.00 pagi
2	10 Ogos 2025 (Ahad)	Pagi	JKA JP	JKPK	Sesi II: 2023/2024 & Sesi I: 2024/2025	7.00 pagi
3	11 Ogos 2025 (Isnin)	Pagi	JKA JKE	JKM	Sesi II: 2023/2024	7.00 pagi
4	12 Ogos 2025 (Selasa)	Pagi	JKA JKE JKM	JP JTMK	Sesi I: 2024/2025	7.00 pagi

- 4.3 Graduan hendaklah membawa **Kad Pengenalan** dan mengemukakan **Slip/Resit Bayaran** kepada urus setia sebagai bukti pembayaran konvokesyen telah dibuat. (Slip bayaran adalah bukti pembayaran dan tidak akan diambil)
- 4.4 Graduan akan diberi **KAD NAMA** bagi kegunaan di dalam dewan. Sila semak nama dan butiran di dalam kad nama sebelum berbaris.
- 4.5 Graduan yang **GAGAL** mendaftar diri mengikut tarikh dan masa yang ditetapkan, **TIDAK AKAN DIBENARKAN** menyertai majlis konvokesyen.
- 4.6 Graduan yang telah mendaftar dikehendaki berbaris mengikut **JABATAN MASING-MASING**.
- 4.7 Sila ikut arahan **PEMANDU GRADUAN** semasa berbaris, masuk/keluar ke/dari dewan dan semasa majlis konvokesyen berlangsung.
- 4.8 Semasa majlis sedang berlangsung graduan diminta menghormati majlis dengan tidak membuat bising atau keluar meninggalkan dewan.
- 4.9 Graduan **TIDAK DIBENARKAN** membawa sebarang beg/peralatan lain semasa perbarisan **KECUALI KAD NAMA** dan **TELEFON BIMBIT** sahaja.

5.0 PAS MASUK IBUBAPA / TETAMU

- 5.1 Setiap graduan hanya dibenarkan membawa **DUA (2) ORANG TETAMU** sahaja memasuki dewan konvokesyen tertakluk kepada kapasiti dewan. **PAS MASUK IBUBAPA / TETAMU** akan dibekalkan kepada graduan di **KAUNTER PENGAMBILAN JUBAH**.
- 5.2 Kanak-kanak berumur 12 tahun ke bawah **TIDAK DIBENARKAN** berada di dalam dewan konvokesyen.
- 5.3 Tetamu yang tidak memasuki dewan, disediakan tempat khas untuk mengikuti upacara majlis konvokesyen melalui siaran terus **Youtube dan Facebook rasmi PKS**.
- 5.4 Tetamu **TIDAK DIBENARKAN** mengambil gambar graduan ketika majlis berlangsung.
- 5.5 Tetamu diminta menghormati majlis dengan tidak keluar dari dewan atau membuat bising di dalam dewan.
- 5.6 Pakaian tetamu hendaklah **kemas dan bersesuaian** untuk majlis rasmi.
- 5.7 Graduan dan tetamu dinasihatkan untuk makan/sarapan terlebih dahulu sebelum masuk ke dewan konvokesyen.
- 5.8 Gerai jualan makanan dan minuman serta bunga konvokesyen ada disediakan dalam kampus Politeknik Kuching Sarawak.
- 5.9 Graduan diminta **memaklumkan** peraturan ini kepada tetamu.

6.0 PAS MASUK KENDERAAN DAN TEMPAT LETAK KENDERAAN

- 6.1 **PAS MASUK KENDERAAN GRADUAN** akan dibekalkan kepada setiap graduan di **KAUNTER PENGAMBILAN JUBAH** dan terhad kepada **SATU (1)** kenderaan sahaja. Pas masuk kenderaan yang diberikan hendaklah **dipamerkan pada cermin hadapan kenderaan** semasa Hari Konvokesyen.
- 6.2 Hanya kenderaan yang mempunyai pas masuk kenderaan sahaja dibenarkan memasuki kawasan kampus PKS.
- 6.3 Kenderaan hendaklah diletakkan di tempat letak kereta yang disediakan oleh PKS.
- 6.4 **Graduan atau tetamu yang berkeperluan khas (seperti berkerusi roda) perlu memaklumkan kepada urus setia semasa membuat pengesahan kehadiran.**
- 6.5 Graduan dan keluarga OKU/berkerusi roda hendaklah diletakkan di tempat kereta yang disediakan oleh PKS.
- 6.6 Graduan dinasihatkan untuk datang awal bagi mengelakkan tempat letak kenderaan penuh.
- 6.7 Sila patuhi arahan dan tunjuk arah yang diberikan oleh pihak pengawal lalu lintas yang bertugas.

7.0 ETIKA PAKAIAN DAN RUPA DIRI GRADUAN

7.1 Etika Pakaian dan Rupa Diri Graduan Lelaki

- 7.1.1 Graduan dibenarkan memakai pakaian sama ada:
 - 7.1.1.1 Baju Melayu Cekak Musang berwarna hitam berbutang lengkap, dan bersamping. **ATAU**
 - 7.1.1.2 Berkemeja lengan panjang berwarna putih, seluar *slack* hitam, dan bertali leher. Pemakaian *blazer* adalah amat digalakkan.
- 7.1.2 **Pemakaian *mortar board* adalah DIWAJIBKAN.**
- 7.1.3 **DILARANG** memakai seluar ketat dan singkat semasa majlis.
- 7.1.4 Kasut kulit dan sarung kaki berwarna hitam/gelap yang bersesuaian untuk majlis rasmi. **KASUT SUKAN ATAU SAFETY BOOT TIDAK DIBENARKAN.**
- 7.1.5 Graduan hendaklah **berambut pendek** (tidak mencecah kolar baju serta tidak menutupi telinga dan dahi) dan kemas.
- 7.1.6 Rambut berfesyen seperti '**punk**', **berekor** atau **diwarnakan** tidak dibenarkan.
- 7.1.7 **DILARANG** memakai aksesori berlebihan seperti rantai, subang dan tindik hidung.

7.2 Etika Pakaian dan Rupa diri Graduan Wanita

- 7.2.1 Baju kurung, kebaya, kebarung, atau pakaian labuh yang sopan dan **bertudung PUTIH** bagi yang beragama Islam.
- 7.2.2 Bagi yang bukan Islam, selain memilih mengenakan pakaian pada 7.2.1, boleh memakai **blaus PUTIH berlengan panjang dan skirt labuh** hingga paras buku lali / **seluar *slack* hitam panjang**.
- 7.2.3 Tudung berwarna PUTIH sahaja dibenarkan dipakai oleh wanita muslim bagi tujuan penyeragaman warna untuk seri majlis.
- 7.2.4 **Pemakaian *mortar board* adalah DIWAJIBKAN.**
- 7.2.5 Kasut bertutup dan berwarna hitam/gelap. **KASUT SUKAN DAN SAFETY BOOT TIDAK DIBENARKAN.**
- 7.2.6 Graduan bukan Islam hendaklah berambut kemas.
- 7.2.7 Rambut berfesyen seperti '**punk**', **berekor** atau **diwarnakan** tidak dibenarkan.
- 7.2.8 **DILARANG** memakai aksesori seperti tindik hidung dan subang berlebihan.

8.0 ETIKA PAKAIAN TETAMU

8.1 Pakaian Tetamu Lelaki

- 8.1.1 Baju Kebangsaan, Batik, *Lounge Suit*, atau Pakaian Rasmi yang sesuai (**Seluar *Jeans* dan Kemeja-T TIDAK DIBENARKAN**).

8.2 Pakaian Tetamu Wanita

- 8.2.1 Baju Kebangsaan atau Pakaian Rasmi atau pakaian sopan (**pakaian gaun atau *skirt* di atas paras lutut, *blouse* tanpa lengan, kemeja-T, dan seluar *jeans* adalah TIDAK DIBENARKAN**).

NOTA: SILA BUAT PERSEDIAAN SEWAJARNYA SUPAYA GRADUAN TIDAK MENGHADAPI KESULITAN SEPERTI DITAHAN DAN SEBAGAINYA UNTUK MENYERTAI MAJLIS PADA HARI KONVOKESYEN

ETIKA PAKAIAN DAN RUPA DIRI GRADUAN LELAKI



DIBENARKAN



DILARANG



ETIKA PAKAIAN GRADUAN DAN RUPA DIRI PEREMPUAN



DIBENARKAN



DILARANG



ETIKA PAKAIAN DAN RUPA DIRI TETAMU/JEMPUTAN



9.0 KAJIAN PENGESANAN GRADUAN

9.1 Panduan Kepada Graduan

- 9.1.1 Semua graduan yang hadir konvokesyen **diwajibkan** menjawab Kajian Pengesanan Graduan sebelum mengambil jubah, pas masuk tetamu dan pas masuk kenderaan.
- 9.1.2 Kegagalan menjawab kajian ini akan mengakibatkan **pengambilan jubah, pas masuk tetamu, pas masuk kenderaan graduan** dan sijil **Diploma** atau **Transkrip** anda ditahan.

9.2 Tujuan Kajian Pengesanan Graduan

- 9.2.1 Kajian ini dilaksanakan untuk mendapatkan pandangan anda terhadap program pengajian, kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan semasa anda mengikuti pengajian di Politeknik Kuching Sarawak serta strategi anda memasuki dan menghadapi alam pekerjaan.
- 9.2.2 Maklum balas anda sangat penting bagi membawa perubahan yang membina kepada Politeknik Kuching Sarawak dan Kementerian Pendidikan Tinggi dalam melahirkan graduan TVET yang berkualiti.

9.3 Proses Kerja Pengisian Kajian

- 9.3.1 Untuk pengisian **Kajian Pengesanan Graduan**, layari laman pada pautan <https://sites.google.com/poliku.edu.my/cisec-pks/laman-utama> bermula **4 Ogos 2025 (Isnin)**.
- 9.3.2 Panduan serta tatacara pengisian kajian, turut disertakan pada laman di pautan <https://sites.google.com/poliku.edu.my/cisec-pks/laman-utama> ini.
- 9.3.3 Graduan **diwajibkan** untuk **mencetak Slip Kajian Pengesanan Graduan** (jika telah selesai). Slip hendaklah disahkan oleh Pegawai/ Penyelaras Pengesanan Graduan terlebih dahulu sebelum pengambilan jubah dilakukan.
- 9.3.4 **Taklimat pengesanan graduan akan diadakan pada 20 Julai 2025 (Ahad) pada jam 2.00 petang secara dalam talian.**

9.4 Penghantaran Slip Kajian Pengesanan Graduan

- 9.4.1 Bagi graduan yang **TIDAK HADIR** konvokesyen, anda juga **diwajibkan** untuk mencetak Slip Kajian Pengesanan Graduan sebagai dokumen pengesahan dalam pematuhan pengambilan sijil diploma atau transkrip.
- 9.4.2 Bagi graduan yang **HADIR** konvokesyen, Slip Kajian Pengesanan Graduan hendaklah dibawa bersama untuk **disahkan** oleh Pegawai/ Penyelaras Pengesanan Graduan yang bertugas di **kaunter Pengesanan Graduan bertempat di Aras 1, Perpustakaan Seri Kenyalang**. Rujuk rajah **Carta Alir Kajian Pengesanan Graduan** yang disertakan di **Lampiran D. Slip Kajian Pengesanan Graduan** boleh diserahkan mulai **7 hingga 11 Ogos 2025 (Khamis - Isnin)** berserta pengambilan jubah.
- 9.4.3 Jika anda menghantar wakil untuk urusan pengambilan jubah, pastikan wakil anda membawa segala dokumen yang diperlukan dan terus ke kaunter pengesanan graduan terlebih dahulu.
- 9.4.4 Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan berhubung Kajian Pengesanan Graduan, sila hubungi pegawai berikut:

Ts. SITI NOOR AISHAH BINTI MOHAMMAD (JTMK)	H/P: 0198603648
Pn. NOORHASMAH BINTI YAHYA (JP)	H/P: 0148885098
En. HATTA AZUWAR BIN DAHLAN (JKPK)	H/P: 0128936147
En. SHARUDDIN BIN MOHD DAHURI (JKM)	H/P: 0127475107
Pn. CAROLINE ANN MAI (JKE)	H/P: 0198174054
Pn. FLORA AK ALBERT DAUD (JKA)	H/P: 0198856182

10.0 JUBAH KONVOKESYEN

10.1 Pengambilan Jubah dan Topi Mortar

- 10.1.1 Jadual pengambilan jubah dan topi mortar adalah seperti di **Lampiran D, Jadual 1**.
- 10.1.2 Semua graduan perlu mengemukakan **Slip Bayaran Yuran Konvokesyen dan Slip Pengesanan Graduan semasa pengambilan jubah dan topi mortar**.
- 10.1.3 Urusan pengambilan jubah dan topi mortar selain daripada **Lampiran D, Jadual 1** tidak akan dilayan.

10.1.4 Graduan **tidak dibenarkan mencuci** sendiri jubah dan topi mortar. Jika perlu, graduan dinasihatkan **menggosok/seterika jubah pada suhu yang rendah**.

10.1.5 Sebarang **pengubahsuaian** pada jubah dan topi mortar adalah **tidak dibenarkan**.

10.1.6 Penentuan saiz jubah adalah berdasarkan pilihan anda menerusi pautan <https://forms.gle/3dPXRCnDRwip2tNZ8>. Sebarang penukaran saiz semasa proses pengambilan jubah adalah tidak dibenarkan.

[Penafian: Bilangan jubah berdasarkan saiz (S, M, L & XL) adalah terhad. Oleh itu, konsep “first come, first serve” diguna pakai semasa pengambilan jubah]

SAIZ JUBAH KONVOKESYEN POLITEKNIK KUCHING SARAWAK TAHUN 2025		
SAIZ	ANGGARAN UKURAN (CM)	
	LEBAR BAHU	PANJANG
S	48	114
M	48	120
L	50	124
XL	52	130
XXL	55	136

10.1.7 Bagi graduan yang menghantar wakil, graduan perlu mengisi bahagian wakil pada Borang Peminjaman Jubah berserta dengan surat kuasa wakil. Jika tidak ada surat kuasa, wakil tersebut **TIDAK DIBENARKAN** mengambil jubah. [Nota: borang wakil boleh dimuat turun dalam group telegram PENGURUSAN JUBAH KONVOKESYEN POLYCC TAHUN 2025]

10.2 Pemulangan Jubah dan Topi Mortar

10.2.1 Jadual pemulangan jubah dan topi mortar adalah seperti di **Lampiran D, Jadual 1**.

- 10.2.2 Jubah dan topi mortar perlu dipulangkan selepas majlis konvokesyen tamat.
- 10.2.3 Pemulangan jubah dan topi mortar selepas daripada tarikh yang telah ditetapkan akan dikenakan denda sebanyak **RM20 sehari**.
- 10.2.4 **Slip Peminjaman dan Pemulangan Jubah** yang telah ditandatangani dan dicop oleh JK Pengurusan Jubah akan menjadi **bukti untuk graduan membuat tuntutan diploma. Sila ambil maklum bahawa tuntutan diploma tidak dapat dibuat jika slip peminjaman dan pemulangan jubah yang telah ditandatangani dan dicop hilang. Adalah diingatkan bahawa pihak koperasi tidak akan bertanggungjawab atas kehilangan slip.**
- 10.2.5 Jubah dan topi mortar perlu dipulangkan dalam keadaan asal sebagaimana ketika peminjaman. Sekiranya jubah dan topi mortar dipulangkan oleh wakil, graduan perlu mengisi bahagian wakil pada Borang Peminjaman Jubah berserta dengan surat kuasa wakil.
- 10.2.6 Semasa pemulangan jubah, saiz dan nombor jubah hendaklah sama dengan saiz yang dipinjam. Jika saiz dan nombor jubah tidak sama, graduan dikehendaki untuk menukar balik jubah tersebut dengan jubah yang dipinjam. Jika sudah dijumpai, barulah graduan boleh membuat proses pemulangan dan mendapatkan Slip Menuntut Diploma / Sijil pada pegawai bertugas.

10.3 Kehilangan atau Kerosakan Jubah dan Topi Mortar

- 10.3.1 Graduan tidak dibenarkan meminda/mengubah mana-mana bahagian jubah dan topi mortar yang disewa.
- 10.3.2 Caj akan dikenakan kepada graduan bagi kos kehilangan/kerosakan pada jubah dan topi mortar mengikut **Lampiran D, Jadual 2** dan Diploma tidak akan dikeluarkan kepada graduan sehingga bayaran tersebut dijelaskan.
- 10.3.3 Jadual Kadar Denda Kehilangan atau Kerosakan jubah dan topi mortar adalah seperti di **Lampiran D, Jadual 2**.
- 10.3.4 Sebarang pertanyaan sila hubungi Pegawai Koperasi di talian berikut:

Pengurus

Koperasi Politeknik Kuching Sarawak Berhad

Email: kopolikuberhad@gmail.com

No. Telefon: 017-563 7554 (WHATSSAP SAHAJA)

11.0 TUNTUTAN SIJIL DIPLOMA GRADUAN

- 11.1 Graduan yang **HADIR** majlis konvokesyen boleh **menuntut sijil diploma**;
- 11.1.1 Di Unit Peperiksaan **selepas memulangkan jubah** dengan mengemukakan **Slip Peminjaman dan Pemulangan Jubah** yang telah ditandatangani dan dicop oleh Jawatankuasa Jubah, **DAN**
- 11.1.2 Sijil **TIDAK AKAN** di pos kepada graduan.
- 11.2 Graduan yang **TIDAK HADIR** ke majlis konvokesyen dan **TELAH MEMBUAT BAYARAN** dalam tempoh yang telah ditetapkan, sijil akan dihantar secara berperingkat **EMPAT (4)** minggu selepas tarikh rasmi majlis konvokesyen.
- 11.3 Graduan yang **TIDAK HADIR** ke majlis konvokesyen dan **BELUM MEMBUAT BAYARAN** yuran konvokesyen, boleh menuntut sijil diploma dengan;
- 11.3.1 Hadir sendiri ke Unit Peperiksaan PKS; atau
- 11.3.2 Menghantar wakil untuk membuat tuntutan; atau
- 11.3.3 Penghantaran secara pos kepada graduan.
- 11.4 Bagi perkara 11.3:
- 11.4.1 Graduan wajib melengkapkan **Borang Permohonan Sijil/Diploma Politeknik (Graduan Yang Tidak Hadir Majlis Konvokesyen)** yang boleh dimuat turun di laman sesawang <http://www.poliku.edu.my/> untuk dikemukakan semasa tuntutan (Perkara 11.3.1 dan 11.3.2) manakala bagi Perkara 11.3.3, borang yang telah lengkap diisi perlu di pos kepada :
- Pengarah**
Politeknik Kuching Sarawak
KM 22, Jalan Matang
93050 Kuching, Sarawak
(u.p.: Unit Peperiksaan PKS)
- 11.4.2 Graduan/wakil **WAJIB** mengemukakan dokumen berikut bersama borang permohonan semasa tuntutan.
- i. Salinan kad pengenalan graduan yang telah disahkan.
- ii. Salinan kad pengenalan wakil yang telah disahkan dan Surat Wakil oleh pemohon (merujuk kepada Perkara 11.3.2).
- iii. Resit **ASAL** pembayaran secara **ONLINE BANKING** atau **DEPOSIT TUNAI**.
- 11.4.3 Tuntutan hanya boleh dilakukan selepas tarikh rasmi majlis konvokesyen berlangsung.
- 11.5 Sijil diploma yang tidak dituntut akan disimpan di Unit Peperiksaan Politeknik Kuching Sarawak.

12.0 TUNTUTAN WANG TUNAI/CEK BAGI PEMENANG ANUGERAH KECEMERLANGAN

- 12.1 Graduan dimohon berjumpa Pegawai Peperiksaan selepas selesai urusan tuntutan sijil diploma.
- 12.2 Sila kemukakan baucar yang telah disertakan di dalam folder Anugerah Kecemerlangan dan kad pengenalan bagi tujuan pengesahan.

13.0 GAMBAR KONVOKESYEN

- 13.1 Gambar konvokesyen **di atas pentas** diurus oleh Urus Setia Konvokesyen di bawah **JK FOTOGRAFI, PERSEMBAHAN DAN GIMIK PERASMIAN** dengan melantik syarikat fotografi dari luar.
- 13.2 Setiap graduan yang hadir akan menerima gambar secara pakej fotografi yang terdiri daripada satu (1) keping **gambar saiz 6R (menegak, jalan turun pentas)**, satu (1) keping **gambar saiz 8R (melintang, menerima sijil)**, satu (1) keping **gambar saiz 12R (menegak, menerima sijil)** dan salinan *softcopy* (CD atau melalui e-mel).
- 13.3 Penghantaran secara pos diuruskan oleh syarikat fotografi yang dilantik dan **kos bayaran pos ditanggung oleh graduan**.
- 13.4 Perkhidmatan **studio fotografi (*photo booth*)** juga disediakan semasa majlis berlangsung di tempat atau bilik yang telah disediakan. Walau bagaimanapun, **gambar studio tidak termasuk dalam pakej fotografi ini**.

LAMPIRAN A

ATUR CARA MAJLIS KONVOKESYEN POLYCC ZON SARAWAK TAHUN 2025

- ATUR CARA : SIDANG 1 MAJLIS KONVOKESYEN POLYCC ZON SARAWAK 2025**
- TARIKH : 09 OGOS 2025 [SABTU]**
- GRADUAN :**
- i) Politeknik Kuching Sarawak
 - Graduan Tamat Pengajian Sesi II: 2023/2024 (DPB, DTP, DPE, DDT)
 - ii) Politeknik METrO Betong Sarawak
 - iii) Kolej Komuniti Mas Gading
 - iv) Kolej Komuniti Santubong
 - v) Kolej Komuniti Betong

MASA	AKTIVITI
7.00 Pagi	Ketibaan Tetamu dan Ibu Bapa Graduan
8.30 Pagi	Perarakan Masuk Graduan
8.40 Pagi	Ketibaan Tetamu Kehormat
9.00 Pagi	Perarakan Akademik PolyCC Zon Sarawak
	Perarakan masuk Tetamu Kehormat
	Nyanyian Lagu Negaraku
	Nyanyian Lagu Ibu Pertiwiku
	Bacaan doa
	Ucapan aluan oleh Tetamu Kehormat
	Ucapan perasmian oleh Tetamu Kehormat
	Penyampaian DIPLOMA Sesi II: 2023/2024 [DDT, DPE] [Politeknik Kuching Sarawak]
	<i>Rehat dan persembahan</i>
	Penyampaian DIPLOMA Sesi II: 2023/2024 [DPB, DTP] [Politeknik Kuching Sarawak]
	Penyampaian DIPLOMA Sesi II: 2023/2024 dan Sesi I : 2024/2025 [Politeknik METrO Betong Sarawak]
	<i>Rehat dan persembahan</i>

MASA	AKTIVITI
1.00 Tengah Hari	Penyampaian SIJIL Sesi II: 2023/2024 dan Sesi I : 2024/2025 [Kolej Komuniti Mas Gading] Penyampaian SIJIL Sesi II: 2023/2024 dan Sesi I : 2024/2025 [Kolej Komuniti Santubong] Penyampaian SIJIL Sesi I : 2024/2025 [Kolej Komuniti Betong] <i>Rehat dan persembahan</i> Penyampaian Anugerah Kecemerlangan Akademik dan Kokurikulum • Politeknik Kuching Sarawak • Politeknik METrO Betong Sarawak Penyampaian Anugerah Pelajar Cemerlang • Kolej Komuniti Mas Gading • Kolej Komuniti Santubong Penyampaian Anugerah Projek Terbaik • Politeknik Kuching Sarawak • Politeknik METrO Betong Sarawak Penyampaian Anugerah Khas Industri Penyampaian Anugerah Utama Nyanyian Lagu PolyCC Perarakan keluar Tetamu Kehormat Bersurai

ATUR CARA : SIDANG 2 MAJLIS KONVOKESYEN POLYCC ZON SARAWAK 2025

TARIKH : 10 OGOS 2025 [AHAD]

GRADUAN :

- i) **Politeknik Kuching Sarawak**
 - **Graduan Tamat Pengajian Sesi II: 2023/2024**
(DGU, DAT, DPM)
 - **Graduan Tamat Pengajian Sesi I: 2024/2025**
(DPE)
- ii) **Kolej Komuniti Kuching**
- iii) **Kolej Komuniti Sarikei**
- iv) **Kolej Komuniti Sarikei Cawangan Sibul**
- v) **Kolej Komuniti Miri**

MASA	AKTIVITI
7.00 Pagi	Ketibaan Tetamu dan Ibu Bapa Graduan
8.30 Pagi	Perarakan Masuk Graduan
8.40 Pagi	Ketibaan Tetamu Kehormat
9.00 Pagi	Perarakan Akademik PolyCC Zon Sarawak
	Perarakan masuk Tetamu Kehormat
	Nyanyian Lagu Negaraku
	Nyanyian Lagu Ibu Pertiwiku
	Bacaan doa
	Ucapan aluan oleh Tetamu Kehormat
	Ucapan perasmian oleh Tetamu Kehormat
	Penyampaian DIPLOMA Sesi II: 2023/2024 [DGU, DAT] [Politeknik Kuching Sarawak]
	Penyampaian DIPLOMA Sesi I : 2024/2025 [DPE] [Politeknik Kuching Sarawak]
	<i>Rehat dan persembahan</i>
	Penyampaian DIPLOMA Sesi II: 2023/2024 [DPM] [Politeknik Kuching Sarawak]
	Penyampaian SIJIL Sesi II: 2023/2024 dan Sesi I : 2024/2025 [Kolej Komuniti Miri]

MASA	AKTIVITI
1.00 Tengah Hari	Rehat dan persembahan Penyampaian SIJIL Sesi II: 2023/2024 dan Sesi I : 2024/2025 [Kolej Komuniti Kuching] Penyampaian SIJIL Sesi II: 2023/2024 dan Sesi I : 2024/2025 [Kolej Komuniti Sarikei] Penyampaian SIJIL Sesi II: 2023/2024 dan Sesi I : 2024/2025 [Kolej Komuniti Sarikei Cawangan Sibu] <i>Rehat dan persembahan</i> Penyampaian Anugerah Kecemerlangan Akademik dan Kokurikulum Politeknik Kuching Sarawak Penyampaian Anugerah Pelajar Cemerlang • Kolej Komuniti Kuching • Kolej Komuniti Sarikei • Kolej Komuniti Sarikei Cawangan Sibu • Kolej Komuniti Miri Penyampaian Anugerah Khas Industri Nyanyian Lagu PolyCC Perarakan keluar Tetamu Kehormat Bersurai

ATUR CARA : **SIDANG 3 MAJLIS KONVOKESYEN POLYCC ZON SARAWAK 2025**
TARIKH : **11 OGOS 2025 [ISNIN]**
GRADUAN : Politeknik Kuching Sarawak

- **Graduan Tamat Pengajian Sesi II: 2023/2024**
 (DKA, DEE, DEP, DAD, DKM, DPU)

MASA	AKTIVITI
7.00 Pagi	Ketibaan Tetamu dan Ibu Bapa Graduan
8.30 Pagi	Perarakan Masuk Graduan
8.40 Pagi	Ketibaan Tetamu Kehormat
9.00 Pagi	Perarakan Akademik PolyCC Zon Sarawak
	Perarakan masuk Tetamu Kehormat
	Nyanyian Lagu Negaraku
	Nyanyian Lagu Ibu Pertiwiku
	Bacaan doa
	Ucapan aluan oleh Tetamu Kehormat
	Ucapan perasmian oleh Tetamu Kehormat
	Penyampaian DIPLOMA Sesi II: 2023/2024 [DKA]
	<i>Rehat dan persembahan</i>
	Penyampaian DIPLOMA Sesi II: 2023/2024 [DKM, DAD]
	<i>Rehat dan persembahan</i>
	Penyampaian DIPLOMA Sesi II: 2023/2024 [DEE, DEP, DPU]
	Penyampaian Anugerah Kecemerlangan Akademik dan Kokurikulum
	Penyampaian Anugerah Khas Industri
	Nyanyian Lagu PolyCC
	Perarakan keluar Tetamu Kehormat
1.00 Tengah Hari	Bersurai

ATUR CARA : **SIDANG 4 MAJLIS KONVOKESYEN POLYCC ZON SARAWAK 2025**

TARIKH : **12 OGOS 2025 [SELASA]**

GRADUAN : **Politeknik Kuching Sarawak**

- **Graduan Tamat Pengajian Sesi I 2024/2025**
(DAT, DPM, DEE, DEP, DAD, DKM, DPU, DTP, DGU, DKA, DPB, DDT)

MASA	AKTIVITI
7.00 Pagi	Ketibaan Tetamu dan Ibu Bapa Graduan
8.30 Pagi	Perarakan Masuk Graduan
8.40 Pagi	Ketibaan Tetamu Kehormat
9.00 Pagi	Perarakan Akademik PolyCC Zon Sarawak Perarakan masuk Tetamu Kehormat
	Nyanyian Lagu Negaraku Nyanyian Lagu Ibu Pertiwiku
	Bacaan doa
	Ucapan aluan oleh Tetamu Kehormat Ucapan perasmian oleh Tetamu Kehormat
	Penyampaian DIPLOMA Sesi I: 2024/2025 [DAT, DPM]
	<i>Rehat dan persembahan</i>
	Penyampaian DIPLOMA Sesi II: 2023/2024 [DEE, DEP, DAD, DKM, DPU, DTP]
	<i>Rehat dan persembahan</i>
	Penyampaian DIPLOMA Sesi II: 2023/2024 [DGU, DKA, DPB, DDT]
	<i>Rehat dan persembahan</i>
	Penyampaian Anugerah Kecemerlangan Akademik dan Kokurikulum
	Penyampaian Anugerah Khas Industri
	Nyanyian Lagu PolyCC
	Perarakan keluar Tetamu Kehormat
1.00 Tengah Hari	Bersurai

LAMPIRAN B

TATACARA PENDAFTARAN PENYERTAAN HADIR / TIDAK HADIR
MAJLIS KONVOKESYEN POLITEKNIK KUCHING SARAWAK KE-33 TAHUN 2025

1. Sistem iKonvo boleh diakses melalui laman web:


http://spmp.poliku.edu.my/ukonvo/konvo_login.jsp

2. Masukkan **No. Kad Pengenalan** dan **No. Pendaftaran** untuk **LOGIN**.



Nota: Hanya pelajar yang **tamat pengajian** pada **sesi II 2023/2024** dan **sesi I 2024/2025** sahaja yang akan berkonvokesyen pada tahun 2025.

3. Contoh paparan utama :



4. **Langkah 1:** Sila muat turun, cetak dan fahami:
 - i. **Surat Jemputan Graduan ke Majlis Konvokesyen.**
 - ii. **Garis Panduan Majlis Konvokesyen Politeknik Kuching Sarawak Ke-33 Tahun 2025.**
 - iii. **Tatacara Pendaftaran Hadir/Tidak Hadir Konvokesyen Politeknik Kuching Sarawak Ke-33 Tahun 2025.**
5. **Langkah 2:** Klik pada **Borang Pendaftaran Kehadiran/Ketidakhadiran Majlis Konvokesyen** bagi membuat pendaftaran.



6. Sila pilih samada **BERSETUJU HADIR** atau **TIDAK BERSETUJU HADIR**.

BUTIRAN GRADUAN

Nama Graduan :
No. KP :
No. Pend :
Kursus : DIPLOMA TEKNOLOGI MAKLUMAT (TEKNOLOGI DIGITAL)

PILIH STATUS KEHADIRAN

Status Pengesahan Kehadiran
☐ Bersetuju Menghadiri Konvokesyen.
☐ Tidak Bersetuju Menghadiri Konvokesyen.

Klik Untuk Logout | Kembali Ke Menu Utama | Cetak Pengesahan Jawapan Hadir/Tidak Hadir

*** CONTOH PAPARAN**

7. Sekiranya graduan **BERSETUJU HADIR**, sila isi semua butiran seperti yang berikut:

PILIH STATUS KEHADIRAN

Status Pengesahan Kehadiran ☒ Bersetuju Menghadiri Konvokesyen.
☐ Tidak Bersetuju Menghadiri Konvokesyen.

LENGKAPKAN BUTIRAN DIBAWAH

Jumlah Tetamu Yang Hadir** ☒ 0 Orang Tetamu
☐ 1 Orang Tetamu
☐ 2 Orang Tetamu

Bersama ini saya nyatakan slip pembayaran konvokesyen dan yuran Alumni seumur hidup sebanyak RM ** melalui bernombor rujukan ** melalui bank seperti berikut.

Pembayaran dibuat melalui:
☐ JomPAY (Biller Code : 10025)

***Hint: Bagi graduan yang pernah membuat pembayaran yuran ALUMNI ketika berada di institusi dahulu ATAU pelajar yang pernah hadir majlis konvokesyen (dan telah membuat pembayaran yuran Alumni) yang diadakan sahaja, tidak perlu membuat bayaran semula. Yuran Alumni adalah sekali seumur hidup.*

Ikrar :

i. Saya faham bahawa saya tidak dibenarkan menyertai Majlis Konvokesyen ini jika saya tidak memakai pakaian seperti yang ditetapkan.

ii. Saya faham bahawa saya tidak dibenarkan menyertai Majlis Konvokesyen ini jika saya tidak melaporkan diri untuk upacara Raptai pada hari yang ditetapkan.

iii. Saya faham wang ini tidak akan dikembalikan jika saya menarik diri atas apa jua alasan pun.

[Muat Naik/Upload Resit/Slip Pembayaran Hadir/Tidak Hadir Majlis Konvokesyen](#)

Sila rujuk contoh upload resit disini. 

*** CONTOH PAPARAN**

8. Sekiranya graduan **TIDAK HADIR**, sila isi semua butiran seperti yang berikut:

PILIH STATUS KEHADIRAN

Status Pengesahan Kehadiran ☐ Bersetuju Menghadiri Konvokesyen.
☒ Tidak Bersetuju Menghadiri Konvokesyen.

LENGKAPKAN BUTIRAN DIBAWAH

Bersama ini saya nyatakan slip pembayaran konvokesyen dan yuran Alumni seumur hidup sebanyak RM ** melalui bernombor rujukan ** melalui bank seperti berikut.

Pembayaran dibuat melalui:
☐ JomPAY (Biller Code : 10025)

[Muat Naik/Upload Resit/Slip Pembayaran Hadir/Tidak Hadir Majlis Konvokesyen](#)

Sila rujuk contoh upload resit disini. 

*** CONTOH PAPARAN**

9. Sila pastikan semua butiran berikut telah diisi lengkap:

Lengkapkan Butiran Berikut :

Alamat Surat Menyurat :

Bandar :

Poskod :

Negeri :

No. Telefon Rumah :

No. Handphone :

E-Mail (jika ada) :

Maklumat Untuk Rekod Alumni

Pekerjaan Semasa :

Alamat Tempat Bekerja :

Bandar :

Poskod :

Negeri :

No. Tel Pejabat :

No. Fax Pejabat :

BUTIRAN GRADUAN/IBUBAPA OKU

Adakah graduan bertongkat/berkerusi roda? : ☐ YA ☐ TIDAK

Adakah salah seorang atau kedua-dua tetamu graduan bertongkat atau berkerusi roda? : ☐ Salah Seorang Tetamu ☐ Kedua-dua Tetamu ☐ Tetamu Bukan Kategori OKU

Saya seperti nama dan bernombor kad pengenalan diatas, bersetuju bahawa maklumat dan butiran yang saya berikan adalah betul dan benar belaka. Sekiranya maklumat tersebut tidak benar atau mencurigakan atau palsu, saya bersetuju tindakan boleh diambil ke atas saya atau tidak membenarkan saya menghadiri sesi konvokesyen pada kali ini.

*** CONTOH PAPARAN**

10. Langkah 3: Muat Naik/Upload Resit/Slip Pembayaran Hadir/Tidak Hadir Majlis Konvokesyen.

STEP 3

Muat Naik/Upload Resit/Slip Pembayaran Hadir/Tidak Hadir Majlis Konvokesyen

Sebelum memuatnaik slip/resit pembayaran sila pastikan:

- ☒ pembayaran dibuat melalui no akaun yang telah disediakan.
- ☒ Recipient reference atau rujukan pembayaran mengikut format yang disediakan. Sila rujuk lampiran ini.

BAYARAN KONVOKESYEN

Graduan dikehendaki membayar Konvokesyen sebanyak RM100.00 bagi yang hadir dan RM50.00 bagi yang tidak hadir.

Resit diatas adalah termasuk yuran keahlian seumur hidup alumni sebanyak RM100.00

Pembayaran hendaklah dibuat atas nama KOPERASI POLITEKNIK KUCHING SARAWAK BERHAD (KOPOLIKU) di mana-mana cawangan bank seperti yang dinyatakan dibawah.

Bil	Nama Bank	No.Akaun
1.	JOMPAY	BILLER CODE : 10025

*** CONTOH PAPARAN**

11. Bagi nombor resit sila isi seperti contoh berikut:

Maybank

JomPAY

Reference ID: 6.301

Biller Code: 10025 KOPOLIKU

Reference 1: ...

Reference 2: ...

Biller account holder name: KOPOLIKU BERHAD

JomPAY reference number: 8XXX1XXX

Amount: RM 280.00

Note: This receipt is computer generated and no signature is required.

Malayan Banking Berhad (Co. Reg.: 196001000142)
Maybank Islamic Berhad (Co. Reg.: 200701029418)

Bayaran Konvo

☒ **Hadir** RM 280.00

☐ **Tidak Hadir** RM 170.00

Pembayaran dibuat melalui JomPAY seperti berikut:

JomPAY Biller Code: 10025
Ref-1: Nama Graduan
Ref-2: No Kad Pengenalan Graduan

JomPAY online di Perbankan Internet dan Telefon Mudah Alih dengan akaun semasa atau simpanan

*** CONTOH PAPARAN**

12. **Langkah 4** : Permohonan yang lengkap akan diproses dalam tempoh **3 hari bekerja**.

i. Contoh paparan daftar yang **BELUM** diterima & disahkan.

STEP 4

☒ Pengesahan kehadiran/ketidakhadiran dan pembayaran oleh Urusetia Majlis Konvokesyen (Pengesahan akan dibuat setelah step 2 dan step 3 diselesaikan.)

Status : Belum Disahkan

*** CONTOH PAPARAN**

ii. Contoh paparan daftar yang **SUDAH** diterima & disahkan.

STEP 4

☒ Pengesahan kehadiran/ketidakhadiran dan pembayaran oleh Urusetia Majlis Konvokesyen (Pengesahan akan dibuat setelah step 2 dan step 3 diselesaikan.)

Status : Telah Disahkan

*** CONTOH PAPARAN**

13. **Langkah 5:** Sila bawa dokumen-dokumen berikut semasa hadir ke Majlis Konvokesyen.

STEP 5 * CONTOH PAPARAN

Dokumen yang perlu dibawa ketika hadir mendaftar:

- ☒ Resit/Slip Asal Pembayaran (Bagi Graduan Yang Hadir)
- ☒ Kad Pengenalan

Dokumen-dokumen yang perlu dibawa semasa pendaftaran.

Bagi Graduan yang tidak hadir, sijil akan diposkan melalui alamat surat menyurat yang didaftarkan di dalam borang (Step 2).

Jadual Lengkap Perjalanan Majlis boleh dilihat disini : [Jadual Majlis Konvokesyen](#)

14. Graduan boleh mengemaskini borang sehingga permohonan disahkan. Sekiranya ingin membuat pindaan selepas permohonan telah disahkan, sila hubungi pegawai pendaftaran melalui **Whatsapp** di talian **011-1337 2703**.

15. Cetak Surat Pengesahan Hadir / Tidak Hadir ke Majlis Konvokesyen untuk tindakan berikut:

- HADIR:** Bawa surat pengesahan HADIR (rujuk Langkah 2/Step 2), Kad Pengenalan dan Resit Bayaran semasa lapor diri pada hari Konvokesyen.

STEP 2 * CONTOH PAPARAN

Surat Pendaftaran
Hadir/Ketidakhadiran
Majlis Konvokesyen -TELAH
DISAHKAN-

**Semakan Borang
Pengesahan Menghadiri Majlis
Konvokesyen. (jika perlu)**


Status Permohonan Menghadiri Majlis Konvokesyen.
Permohonan Anda Telah Diterima dan Disahkan Oleh Urusetia.
(Sebarang urusan sila hubungi terus ke urusetia majlis konvokesyen)

- TIDAK HADIR:** Sila rujuk Garis Panduan Majlis Konvokesyen Politeknik Kuching Sarawak Ke-33 Tahun 2025.

TAMAT

KAJIAN PENGESANAN GRADUAN & PERATURAN KEPADA BAKAL GRADUAN

PROSES KERJA PENGISIAN KAJIAN UNTUK GRADUAN YANG HADIR KONVOKESYEN



**** NOTA PENTING:** Sekiranya menghantar wakil, pastikan Slip Kajian Pengesanan dibawa bersama.

**** Lokasi cop pengesanan Slip Kajian Pengesanan Graduan** adalah di **Aras 1, Perpustakaan Seri Kenyalang**.

LAMPIRAN D

JADUAL 1 : PENGAMBILAN DAN PEMULANGAN JUBAH KONVOKESYEN POLITEKNIK KUCHING SARAWAK

Sidang Konvokesyen	Tarikh & Hari Pengambilan	Masa Pengambilan	Tarikh & Hari Pemulangan	Masa Pemulangan
Sidang 1 9 Ogos 2025 (Sabtu)	*7 & 8 Ogos 2025 (Khamis & Jumaat)	9:00 pagi – 4:00 petang	**9 Ogos 2025	1:30 petang – 5:00 petang
Sidang 2 10 Ogos 2025 (Ahad)	*8 & 9 Ogos 2025 (Jumaat & Sabtu)	9:00 pagi – 4:00 petang	**10 Ogos 2025	1:30 petang – 5:00 petang
Sidang 3 11 Ogos 2025 (Isnin)	*9 & 10 Ogos 2025 (Sabtu & Ahad)	9:00 pagi – 4:00 petang	**11 Ogos 2025	1:30 petang – 5:00 petang
Sidang 4 12 Ogos 2025 (Selasa)	*10 & 11 Ogos 2025 Ahad & Isnin)	9:00 pagi – 4:00 petang	**12 Ogos 2025	1:30 petang – 5:00 petang

***Lokasi pengambilan jubah di Cybercafe**

****Lokasi pemulangan jubah di Kafeteria Politeknik Kuching Sarawak**

JADUAL 2 : KADAR DENDA KEHILANGAN ATAU KEROSAKAN JUBAH KONVOKESYEN POLITEKNIK KUCHING SARAWAK

Perkara	Kadar Caj (RM)
Kehilangan Jubah	1000.00
Kerosakan Jubah	500.00
Kehilangan/Kerosakan Topi Mortar	100.00

Join Telegram group : PENGURUSAN JUBAH KONVOKESYEN POLYCC TAHUN 2025

<https://t.me/+cX2WW07wCN4wNzc1>

